



SITI SURIANI OTHMAN

Pensyarah Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan,
Universiti Sains Islam Malaysia

MOHAMMAD ALIAS

Felo Akademik Fakulti Ekonomi dan Muamalat,
Universiti Sains Islam Malaysia

Tingkatkan Pengetahuan Bahasa Arab



Mempelajari apa-apa bahasa asing memerlukan usaha, kesungguhan dan ketekalan. Hal tersebut memang sukar, tetapi kita tidak boleh mudah menyerah kalah. Berbicara tentang bahasa kedua atau ketiga, tidak dinafikan kepentingan kebolehan berbahasa Arab bagi umat Islam, yang setidak-tidaknya digunakan untuk berbual dan memberi atau menerima arahan.

Terdapat banyak kelebihan yang diperoleh oleh orang yang berkebolehan berbahasa Arab. Yang jelas, bahasa Arab ialah bahasa al-Quran. Maka itu, kefahaman dalam bahasa Arab membantu kefahaman khususnya terhadap ayat al-Quran, serta secara umum teks dan doa yang kebanyakannya terdapat dalam bahasa Arab. Selain itu, bahasa Arab juga merupakan bahasa yang penting dalam bidang akademik, ekonomi dan politik serta kepentingan budaya. Dalam bidang sastera dan budaya misalnya, banyak karya agung dalam bahasa Arab yang membuka

kefahaman kita tentang peradaban dan sejarah manusia.

Dalam al-Quran juga dijelaskan kedudukan bahasa Arab dalam kehidupan manusia. Misalnya firman Allah SWT yang bermaksud, "Sesungguhnya Kami menurunkannya berupa al-Quran dengan berbahasa Arab, agar kamu memahaminya." (*Surah Yusuf* 12:2). Dalam ayat ini, bahasa Arab dipilih sebagai bahasa al-Quran kerana kemampuannya untuk menyampaikan makna dengan jelas dan mendalam.

Ayat lain yang turut menjelaskan kedudukan bahasa Arab dalam al-Quran ialah *Surah Taha* (20:113), *Surah al-Zumar* (39:28), *Surah al-Syu'ara'* (26:192-195), *Surah Fussilat* (41:3) dan *Surah al-Nahl* (16:103). Dengan kedudukannya yang dijelaskan dalam al-Quran, maka tidak hairanlah bahasa Arab dituturkan di banyak negara termasuklah Arab Saudi, Mesir, Iraq, Jordan, Lubnan, Yaman dan Maghribi.

Di Malaysia, bahasa Arab dimartabatkan menerusi pelbagai platform, terutamanya melalui pendidikan. Beberapa universiti misalnya, menawarkan kursus bahasa Arab sebagai program akademik seperti di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan Universiti Malaya (UM) pada peringkat diploma, sarjana muda, sarjana dan doktor falsafah.

Di samping itu, proses pembelajaran juga dilaksanakan dengan penggunaan teknologi untuk



Kelas yang dijalankan secara interaktif boleh menarik minat para pelajar untuk mempelajari bahasa Arab.

Keinginan untuk mempelajari bahasa Arab harus diperkuat dari hari ke hari dengan niat mempelajarinya kerana Allah SWT.

mewujudkan suasana pembelajaran aktif. Antara platform yang digunakan termasuklah e-pembelajaran, aplikasi pembelajaran bahasa dan media sosial untuk membantu pelajar mempraktikkan dan memperkaya penguasaan bahasa Arab. Hal ini termasuklah penggunaan aplikasi seperti Duolingo, Memrise dan platform Massive Open Online Courses (MOOCs).

Kelas juga dijalankan secara interaktif yang menggalakkan para pelajar melaksanakan perbincangan, perdebatan dan pembentangan dalam bahasa Arab. Program lain termasuklah program pertukaran pelajar dan program mobiliti ke luar negara seperti Mesir, Arab Saudi, Jordan dan Emiriah Arab Bersatu (UAE) untuk menyediakan persekitaran berbahasa Arab yang asli.

Program lain termasuklah aktiviti kokurikulum dan ekstrakurikulum seperti kelab dan persatuan bahasa Arab yang menjalankan pelbagai aktiviti seperti pementasan drama, malam puisi dan pertandingan debat dalam bahasa Arab, serta seminar dan bengkel bahasa Arab bersama-sama ahli yang pakar dalam bidang ini. Bahasa Arab juga digunakan di kampus secara rasmi mahupun tidak rasmi. Penganjuran seminar dan program rasmi universiti yang dijalankan dalam bahasa Arab dilihat mampu memupuk penggunaan bahasa Arab dalam konteks formal.

Meskipun pelbagai program dan aktiviti berkaitan dengan bahasa Arab dijalankan untuk meningkatkan penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar di Malaysia, namun kita masih sering terdengar rintihan bahawa mereka masih kurang fasih berbahasa Arab walaupun menyambung pelajaran dalam bidang yang berkaitan. Antara faktornya termasuklah kemungkinan kerana keterbatasan penggunaan bahasa Arab dalam kehidupan seharian kerana kita lebih banyak menggunakan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Selain itu, kaedah pengajaran bahasa Arab yang mungkin masih bersifat tradisional seperti memberikan fokus terhadap tatabahasa berbanding dengan kebolehan berkomunikasi menyebabkan para pelajar kurang menggunakan bahasa Arab dalam kehidupan seharian. Di samping itu, tidak dinafikan juga sekolah

kekurangan guru bahasa Arab yang fasih dengan sumber pembelajaran yang menarik dan interaktif.

Namun begitu, dalam kepelbagaian kemungkinan ini, motivasi dan minat belajar juga sering dikaitkan dengan kebolehan berbahasa Arab. Ada pelajar yang memang kurang bermotivasi untuk mempelajari bahasa Arab ataupun hanya mengambil bidang bahasa Arab kerana mengikut kehendak keluarga. Tidak kurang juga yang kurang bermotivasi untuk mempelajari bahasa ini kerana mempunyai tanggapan stereotaip bahawa bahasa Arab merupakan bahasa yang sukar untuk dipelajari berbanding dengan bahasa lain di dunia.

Menyentuh tentang sukarnya mempelajari bahasa Arab, dikongsikan pengalaman seorang pensyarah dalam bidang ekonomi konvensional dan tidak mempunyai latar belakang bahasa Arab yang kini mampu berkomunikasi dalam bahasa Arab dengan fasih. Beliau mempelajari bahasa Arab bermula ketika menuntut di England (1980–1984). Melalui interaksi bersama-sama pelajar ijazah lanjutan yang berasal dari Timur Tengah, usaha mempelajari bahasa Arab diteruskan dengan lebih sistematik hasil dorongan rakan sejawat di USIM [pada ketika itu dikenali sebagai Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM)]. Kini, sebagai seorang pakar ekonomi dengan latar belakang pendidikan konvensional dalam bidang ekonomi (lulusan luar negara aliran Inggeris), beliau sudah mampu berbahasa Arab komunikasi, dan hal ini merupakan pencapaian yang boleh dibanggakan.

Dengan kelebihan ini, beliau tentunya mendapat pelbagai kelebihan akademik dan sosial. Antaranya termasuklah kebolehan berbahasa Arab ketika bermuamalat dengan penduduk Timur Tengah apabila melancong ke sana. Tidak kurang pentingnya dalam konteks sebagai pendidik di USIM, beliau mampu berkomunikasi dengan para pelajar universiti dalam bahasa Arab yang sekali gus menggalakkan penggunaan bahasa ini di luar bilik kuliah.

Selain itu, bagi memastikan bahasa asing yang dipelajari dapat digunakan dengan baik dan fasih, komunikasi dalam bahasa berkenaan haruslah dibuat dengan istiqamah. Apabila berupaya berkomunikasi, maka tatabahasa bahasa tersebut hendaklah dipelajari secara perlahan-lahan. Sentiasa berlatih membentuk ayat dalam bentuk percakapan dan tulisan juga membantu mengukuhkan penguasaan bahasa serta memberikan keyakinan untuk bahasa tersebut digunakan dengan lebih kerap.

Pada hakikatnya, kita memang mengagumi individu yang fasih bertutur dalam banyak bahasa. Antara individu terkenal yang fasih dalam tujuh bahasa termasuklah pelakon India, iaitu Kamal Haasan yang fasih berbahasa Tamil, Malayalam, Kannada, Telugu, Hindi, Marathi dan bahasa Inggeris. Sejarah pula menunjukkan bahawa al-Farabi, saintis Muslim yang terkenal bukan sahaja arif dalam bidangnya, tetapi juga antara individu bijak yang boleh berbahasa lebih daripada 70 bahasa. Hari ini, Ziad Fazah yang lahir di Liberia yang kini menetap di Brazil dianggap individu yang terhebat dalam kefasihan berbahasa kerana boleh bertutur dalam 59 bahasa di dunia.

Dalam konteks tempatan dan kapasiti umum manusia, kita mungkin tidak mampu mencapai kefasihan sehingga 50 bahasa di dunia, namun sudah cukup hebat jika kita fasih dalam bahasa ketiga selain bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Oleh itu, keinginan untuk mempelajari bahasa Arab harus diperkuat dari hari ke hari dengan niat mempelajarinya kerana Allah SWT. Tambahan pula, dengan segala kemudahan yang ada kini, amatlah mudah untuk mempelajari bahasa, asalkan mempunyai keinginan dan dapat memperuntukkan masa dengan sistematik dan konsisten. Apatah lagi, bahasa Arab bukanlah asing kepada orang Melayu Islam. Selain sebagai bahasa yang digunakan dalam ibadat seperti solat, terlalu banyak perkataan dalam bahasa Melayu yang dipinjam daripada bahasa Arab.

Namun begitu, pastinya mempelajari bahasa asing bukanlah cubaan mudah jika tiada usaha keras yang berpanjangan. Jika ada yang berasa sukar untuk diri sendiri kerana faktor umur dan kesibukan misalnya, bolehlah memberikan peluang kepada anak kecil yang dapat menyerap bahasa dengan lebih mudah untuk mempelajari dan menguasai bahasa Arab.

Kajian menunjukkan bahawa seawal usia empat bulan, bayi sudah boleh membezakan antara bunyi dengan bahasa. Hal ini bermakna bahawa semudah ini sebenarnya bayi sudah mula mempelajari bahasa. Tahap keanjalan otak dan pembentukan neuron yang cepat pada usia muda merangsang dan mempercepat pembelajaran bahasa bagi kanak-kanak berbanding dengan orang dewasa. Ibu bapa dan guru boleh memanfaatkan peluang ini agar lahir lebih banyak insan yang fasih pelbagai bahasa dan memudahkan komunikasi antara budaya pada peringkat antarabangsa. Pastinya dalam hal ini, bahasa Arab usah pernah ditinggalkan. 